

START UP

Kafe He & She Coffee menyediakan ruang yang selesa kepada pengunjung.



“Saya mencuba nasib untuk menembusi pasaran perniagaan kampus di USM, UPM, UiTM dan Universiti Malaya. Alhamdulillah, He & She Coffee beroperasi di beberapa universiti ini.”

- ZULKIFLEE



PENERAJU perniagaan makanan dan minuman hipster di kampus, He & She Coffee optimis perniagaan yang diusahakannya itu memberikan manfaat kepada pelajar dan industri.

Ketua Pegawai Eksekutif yang juga Pengasas He & She Sdn Bhd, Zulkiflee Yusof berkata, perniagaan yang dijalankan di beberapa kampus universiti tempatan telah memberikan peluang dan pendedahan kepada pelajar dalam bidang keusahawanan sebenar.

Menurutnya, idea untuk mengendalikan kafe di kampus bermula pada 2015 apabila beliau ditawarkan oleh sebuah syarikat untuk menjadi rakan kongsi dalam projek melibatkan konsesi bangunan di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah.

“UUM membuka peluang kepada pihak industri untuk membangunkan dan mengkormesialkan bangunan lama tersebut. Bermula dari detik itu, saya mendapat inspirasi untuk melihat potensi perniagaan dalam kampus,” katanya.

Zulkiflee berkata, walaupun beliau terlibat dalam perniagaan lain sebelum itu, beliau berkeyakinan industri makanan dan minuman di kampus akan menjana pendapatan dan membantu memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai industri tersebut.

Beliau berkata, kafe yang dibangunkan itu disesuaikan dengan gaya hidup di kampus, santai kepada pengunjung, dilengkapi kemudahan internet dan menawarkan harga hidangan yang berpatutan menyebabkan kafe hipster itu menjadi pilihan utama komuniti UUM.

“Dalam usaha mengukuhkan kedudukan kafe hipster tersebut, pada September 2015, saya membuka cawangan kedua di Universiti Islam Antarabangsa

Malaysia (UIAM) di Gombak,” katanya.

Bagaimanapun katanya, proses pembukaan kafe di UIAM bukanlah suatu perkara yang mudah dan ia benar-benar menguji kesabaran Zulkiflee.

“Alhamdulillah, kafe di UIAM mendapat sambutan hangat sekali gus memberikan keyakinan kepada saya bahawa perniagaan di kampus mempunyai potensi yang cerah berikutan kelainan hidangan makanan dan minuman dengan harga berpatutan akan menjadi pilihan komuniti di kampus,” katanya.

Mengorak langkah

Rentetan daripada kejayaan membuka dua kafe dalam tempoh sembilan bulan dan sambutan yang memberangsangkan kedua-dua kafe itu mendorong Zulkiflee melihat potensi perniagaan kampus di beberapa universiti lain.

“Saya mencuba nasib untuk menembusi pasaran perniagaan kampus di Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Malaya. Alhamdulillah, He & She Coffee sudah beroperasi di beberapa universiti ini,” katanya.

Tambahnya, buat masa ini, He & She mempunyai lapan cawangan dan menjangkakan 10 cawangan menjelang akhir tahun ini.

Selain memfokuskan kepada perkembangan syarikat, He & She Coffee juga bekerjasama dengan beberapa universiti untuk memberikan peluang pekerjaan kepada pelajar terutamanya golongan asnaf yang disaring oleh pihak universiti.

“Kami menawarkan program yang berbeza mengikut universiti, mereka akan bekerja dengan kami dan dibayar gaji.

“Secara tidak langsung, pelajar berpeluang mendapatkan pengalaman dalam menguruskan kafe dan mereka yang berkemahiran akan diberikan peluang sebagai operator di cawangan baharu He&She Coffee yang bakal dibuka.”

Tempuhi pelbagai cabaran

Untuk memastikan He & She Coffee boleh beroperasi di kampus, Zulkiflee juga perlu menjaga sensitiviti kampus.

“Malahan, kami juga perlu korbankan margin keuntungan untuk memastikan pelajar dapat menikmati hidangan kami yang setanding dengan jenama lain,” katanya.

Zulkiflee berkata, beliau agak skeptikal dengan kuasa beli di kampus, namun segalanya berubah apabila perniagaannya positif.

“Kami hanya menyasarkan dua peratus sahaja pembeli dari komuniti kampus pada setiap hari di kafe kami yang dibuka bermula jam 8 pagi hingga 10 malam. Kami mendapat lebih daripada sasaran tersebut,” katanya.

Ubah landskap universiti

Zulkiflee berkata, kewujudan He & She Coffee di kampus telah mengubah landskap universiti terutamanya melibatkan gaya hidup pelajar dan itu adalah elemen nilai yang mereka bawa.

“He & She Coffee bukan sahaja menyediakan lebih 300 menu kepada pengunjung, malahan saya memberikan peluang kepada pelajar dan pensyarah mengadakan kelas di kafe kami.

“Kami menggalakkan aktiviti malam di sini kerana selain menikmati hidangan makanan dan minuman dengan santai, mereka juga boleh berhibur,” katanya.

Bakal menembusi pasaran luar negara

Zulkiflee juga merancang untuk membuka 20 outlet baharu dalam kampus dan akan dikendalikan oleh operator yang dilantik.

Tambahnya, jenama He & She Coffee bakal menembusi pasaran luar negara kerana ada pelabur dari Australia berminat untuk bekerjasama dengan syarikatnya.

“Mereka adalah syarikat kopi terkenal yang berminat dengan konsep perniagaan kampus yang kami perkenalkan,” katanya.

Kopi dalam kampus

HE & SHE COFFEE KUASAI PASARAN KAFE DI UNIVERSITI



Antara makanan dan minuman yang ditawarkan di kafe He & She Coffee.

